

12/01/2001

Ezam resah isu penyatuan Melayu

Putera Kajang

TIDAK sukar untuk menyelami perasaan politikus muda yang sedang belajar jalan jatuh, Ezam Mohamed Noor, apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mencetuskan idea penyatuan Melayu.

Dan tidak sukar juga untuk menghuraikan isi hati Ketua Pemuda Keadilan itu apabila dia berkata, Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) Keadilan menolak usaha penyatuan Melayu yang bermesyuarat Selasa lalu walaupun sebelumnya ia sudah dipersetujui presidennya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, dan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor.

Bagi Ezam, idea penyatuan Melayu adalah satu malapetaka kepada kerjaya politiknya yang baru berputik itu sekiranya ia menjadi kenyataan. Sememangnya Ezam tidak boleh menerima sebarang cadangan seperti itu kerana ia menuntut pengorbanan paling besar - menguburkan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Seperti kata Ezam, Pemuda Keadilan melihat keputusan MPT itu dibuat kerana perpecahan sebenar berlaku dalam Umno dan bukan di kalangan orang Melayu. Katanya, parti itu tidak mahu terperangkap dengan media seperti Pas dan Keadilan bukan parti Melayu.

Menerusi laman web pula, Ezam berkata, pemerintah hari ini tidak ada kredibiliti. Mereka tidak layak melaksanakan sebarang usaha murni kerana sebahagian besar rakyat tidak punya keyakinan terhadap kemurnian niat disebabkan rekod buruk mereka (kerajaan) kebelakangan ini.

Memang benar ramai ahli Umno dan penyokongnya berbondong-bondong menyertai Keadilan dan Pas ketika parti itu pada September 1998 menempuh gelombang politik yang mengerikan. Bagaimanapun, Ezam mungkin sudah mula faham serba sedikit seni berpolitik. Dia bercakap separuh benar.

Ramai orang Melayu memberi sokongan kepada Keadilan kerana mereka ditipu dan tertipu dengan dakwaan Anwar dianiaya serta imej waraknya itu. Serangan hebat terhadap Umno dan presidennya, Dr Mahathir, oleh pemimpin dalaman Umno yang bergayut kepada Anwar serta dibantu tangan ghaib dari luar membuatkan Umno rebah tetapi tidak lumpuh.

Apabila Pas turut 'tumpang tui' meningkatkan serangan mereka dengan melabel pemimpin Umno menolak pemerintahan Islam serta Fadzil dilihat begitu simpati kepada musibah yang menimpa sahabat lamanya itu dengan menghadiri rapat politik di rumah Anwar, ramai orang Melayu beralih sokongan.

Alhamdulillah, kemelut itu tidak berpanjangan sebenarnya. Sedikit demi sedikit orang Melayu kembali memberi kepercayaan kepada Umno. Hanya pembangkang mendakwa sebaliknya.

Keputusan pilihan raya umum 1999 membuktikan Umno masih ada sokongan orang Melayu. Begitu juga dengan pilihan raya kecil Sanggang (Pahang) dan Teluk Kemang (Negeri Sembilan). Walaupun di Lunas (Kedah), Barisan Nasional (BN) tewas kepada Keadilan, namun terbukti undi Melayu bertambah kepada BN.

Keadilan hanya meraih undi kaum Cina yang belot selepas mereka dimomokkan dengan isu Sekolah Wawasan.

Saya juga hairan bagaimana Ezam boleh berkata pemerintah hari ini tidak ada kredibiliti, sedangkan jemaahnya adalah sama sebelum dan selepas September 1998 kecuali beberapa orang termasuk Anwar. Kemampuan kerajaan mengharungi tempoh kegawatan politik dan ekonomi membuktikan kewibawaan mereka.

Apakah pula yang dimaksudkan dengan rekod buruk? Anwar dipenjara? Itu

bukan urusan kerajaan tetapi mahkamah memutuskannya. Malangnya, Ezam dan konco-konconya terus memberi warna hitam kepada institusi kehakiman, kononnya berada di bawah telunjuk Dr Mahathir. Ini menyebabkan ramai orang Melayu yang jujur dan malas berfikir mempercayainya.

Walaupun ramai beranggapan pelawaan Dr Mahathir itu menandakan Umno sudah kelam-kabut, saya melihat isu ini dari sudut berbeza. Ia setidaknya tidaknya membuktikan satu perkara - Perdana Menteri seorang berjiwa besar.

Bukan mudah bagi seorang manusia yang mempunyai kuasa dan sokongan sanggup mengetepikan segala sentimen. Bukan mudah juga bagi seorang pemimpin yang mendapat kepercayaan seratus peratus daripada jemaah menterinya, rela melupakan begitu saja segala cercaan yang dilemparkan demi melihat anak bangsanya bersatu.

Beliau tidak memerlukan satu panggilan kecemasan atau satu muslihat tersembunyi menyatukan umat Melayu untuk terus berkuasa seperti yang didakwa Ezam.

Bagaimanapun, seperti selalunya, idea Dr Mahathir kali ini juga dilihat sebagai amat sukar untuk direalisasikan walaupun sudah banyak kali juga beliau membuktikan sebaliknya.

Pada hemat saya, jika Melayu mahu disatukan di bawah satu gagasan, Keadilan perlu mengakui hakikat bahawa Anwar ketika ini sedang menjalani hukuman kerana kesalahan yang dilakukannya dan Pas pula harus memberitahu orang Melayu bahawa Umno tidak kafir dan pemerintahan sekarang juga memenuhi tuntutan Islam.

Tentunya ini satu permintaan yang paling tidak disenangi Ezam dan jalan sukar bagi Fadzil. Mungkin Dr Mahathir ada idea yang berbeza. Masa akan menentukannya.